

06 DEC 1999

Ali-Exco

BARISAN EXCO KERAJAAN NEGERI MELAKA DIKETAHUI RABU

MELAKA, 6 Dis (Bernama) -- Barisan Exco kerajaan negeri Melaka akan diumumkan Rabu ini serentak dengan majlis angkat sumpah yang akan diadakan di Istana Melaka, di sini.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata barisan Exco yang akan dipilih itu ditentukan setelah mendapat restu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau akan bertemu Dr Mahathir di Putrajaya hari ini bagi mengemukakan senarai cadangan lapan orang anggota Exco bagi kerajaan negeri yang baru dibentuk selepas Barisan Nasional (BN) mendapat mandat baru pada pilihan raya umum ke-10, Isnin lepas.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Mohd Ali berkata senarai barisan Exco negeri akan ditentukan selepas mendapat kelulusan Perdana Menteri.

"Saya sebagai orang baru perlu mendapatkan nasihat daripada PM sebelum membuat apa-apa keputusan...apa yang paling penting ialah mengukuhkan lagi perpaduan yang telah ada," katanya selepas merasmikan seminar Penghayatan Ramadan dan Cabaran Ummah Menjelang Alaf Baru di Auditorium Al-Azim di Bukit Palah, di sini.

Beliau berkata barisan Exco negeri kali ini terdiri daripada muka baru dan lama dalam usaha meneruskan kecemerlangan serta memastikan pembangunan negeri, yang telah dan sedang dirancang berjalan lancar.

Ditanya mengenai hasrat pengerusi MCA negeri, Datuk Wira Gan Boon Leong yang mengumumkan tidak akan menyambung tugas sebagai anggota Exco "saya menghormati keputusan beliau itu," katanya.

Menurutnya, kekosongan itu bermakna kuota bagi MCA akan diisi dengan muka baru, bagaimanapun terpulanglah kepada parti itu untuk mencadangkan siapa yang layak.

MCA mempunyai kuota dua anggota Exco yang sebelum ini diisi oleh Gan dan Datuk Poh Ah Tiam. Mereka mempunyai dua lagi anggota DUN iaitu Datuk Seah Kwi Tong dan Chong Tam On.

Selain menggantikan Gan, tiga lagi muka baru pasti akan dilantik sebagai anggota exco bagi menggantikan tiga anggota exco daripada Umno yang tidak dipilih bertanding pada pilihan raya tersebut.

Tiga anggota Exco yang digugurkan ialah Datuk Noordin Yaani, Datuk Mohd Yasin Sarif dan Datuk Sharif Mohd Derus.

Kerajaan negeri yang baru juga perlu melantik speaker DUN bagi menggantikan Datuk Nasir Manap yang turut digugurkan.

Tiga muka lama Exco yang terpilih bertanding pada pilihan raya itu dan dijangka akan dikekalkan ialah Datuk Ahmad Hamzah, Datuk Ibrahim Durum dan Datuk Momin Abdul Aziz.

Sementara itu, Ali berkata beliau akan menyerahkan laporan prestasi BN negeri Melaka pada pilihan raya umum lalu kepada Dr Mahathir dalam pertemuan hari ini.

Pada pilihan raya itu, BN mengekalkan kemenangan dengan majoriti dua pertiga dengan mendapat 21 daripada 25 kerusi yang dipertandingkan.

BN bagaimanapun hilang satu kerusi berbanding kemenangan 22 kerusi pada pilihan raya 1995. DAP yang mempertahankan tiga kerusinya berjaya menambah satu lagi kerusi dengan merampas DUN Bachang.

--BERNAMA

MYD zb